

DATE: 11 / 5 / 2004

# Makna sambutan ulang tahun UMNO ke-58

Oleh ZIN MAHMUD  
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini UMNO menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-58 dengan kedudukan gemilang mengambil kira kejayaan besarnya dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Sokongan besar yang diperoleh daripada rakyat, khususnya orang Melayu melalui manifesto bertemakan Gemilang, Cemerlang dan Terbilang adalah suatu mercu tanda sejarah bagi parti.

Sepanjang sejarahnya, UMNO telah menikmati kejayaan sebagai parti yang memenangi setiap kali pilihan raya umum sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946.

Namun begitu, cabaran kepada keutuhannya berlaku pada dua pilihan raya umum yang pernah diadakan iaitu pada tahun 1969 dan 1999. Walaupun kekal berupaya memenangi pilihan raya umum dengan majoriti dua pertiga pada tahun 1999, tetapi kemerosotan undi dan kerusi dalam pilihan raya itu menunjukkan UMNO menghadapi cabaran memperbaiki diri untuk terus relevan dan mendapat semula sokongan rakyat.

Ternyata, UMNO di bawah kepimpinan baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menebus segala kemerosotan undi dan kerusi pada tahun 1999 dengan memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya umum lalu dan ia memantapkan kembali kedudukan parti sebagai bukan saja relevan tetapi juga memacu dalam kedudukan perjuangan yang baru.

Tetapi kejayaan sesebuah parti bukan saja terletak kepada kemampuan untuk memenangi pilihan raya umum dan membentuk kerajaan tetapi lebih utama adalah sumbangannya kepada kemajuan rakyat dan negara.

Sumbangan itu dapat dihasilkan melalui prinsip perjuangan parti dan pelaksanaan oleh ahli-ahlinya baik bagi mereka yang



ONN JAAFAR

memegang jawatan kerajaan dan parti, mahupun hanya menjadi ahli dan aktivis.

Untuk memudahkan perbincangan, prinsip perjuangan UMNO dapat disimpulkan melalui cogan kata pertama parti itu iaitu Hidup Melayu.

Sepanjang sejarah UMNO, terdapat tiga cogan kata. Selepas Hidup Melayu, slogan berikutnya ialah Merdeka dan kemudian apa yang digunakan sekarang iaitu Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat.

Kedua-dua cogan kata Merdeka dan Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat itu adalah kesemuanya berkaitan dan merupakan lanjutan kepada slogan pertama UMNO iaitu Hidup Melayu.

Cogan kata Hidup Melayu timbul sebagai asas kepada perjuangan UMNO kerana penubuhan parti itu pada mulanya

bertujuan untuk menyelamatkan kedudukan orang Melayu yang nyaris-nyaris kehilangan hak apabila Malayan Union ditubuhkan sebagai tanah jajahan British selepas memansuhkan kedudukan sah negeri-negeri Melayu.

Andai kata UMNO tidak ditubuhkan dan British berjaya dengan penubuhan Malayan Union, maka sudah tentu sejarah Malaysia dan orang Melayu berubah.

Malayan Union merupakan sebuah tanah jajahan British yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi di mana penduduknya menjadi warga empayar British.

Mungkin setelah beberapa tahun berlalu, Malayan Union akan diberikan pemerintahan sendiri dengan penduduknya dalam kedudukan setaraf bebas membentuk parti politik berbentuk pelbagai kaum.

Pada masa itu, orang Melayu menjadi minoriti kerana semua penduduk diberikan hak kerakyatan yang sama. Oleh kerana kedudukan ekonomi orang Melayu yang daif, maka dengan sendirinya, kaum yang akan mendominasi politik dan ekonomi negara ini pastinya bukan terdiri daripada bumiputera. Malayan Union akan terus menjadi sebuah negara yang kehilangan sebarang ciri-ciri Melayu.

Orang Melayu sudah tentu tidak mendapat tempat dalam negara Malayan Union, lebih-lebih lagi jika ia diberikan kemerdekaan oleh Britain. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi akan menjadi Presiden yang boleh disandang oleh sesiapa ataupun kalau Malayan Union memilih sistem beraja, ia akan menjadikan Ratu United Kingdom sebagai ketua negara.

Bahasa kebangsaan Malayan Union sudah pasti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu akan hilang ditelan zaman kerana tidak relevan. Tidak akan wujud tanah simpanan Melayu dan dengan kelemahan kedudukan ekonomi, Melayu akan terus menjadi petani dan nelayan yang tidak dapat banyak peluang untuk maju.

Apa yang akan berlaku kepada orang Melayu dalam Malayan Union tidak ubah seperti kaum pribumi Hawaii, Aborigin di Australia dan Red Indian di Amerika Syarikat (AS).

Mungkin anak-anak Melayu hanya menjadi pekerja-pekerja bagi industri pelancongan dan tidak berpeluang untuk maju dalam bidang-bidang yang lebih canggih.

Tetapi nasib malang orang Melayu itu dapat dielakkan dengan kesedaran yang dimulakan oleh Datuk Onn Jaafar yang memandang jauh ke depan terhadap nasib yang bakal ditimpa oleh orang Melayu jika Malayan Union tidak ditentang.

Dengan menubuhkan dan memimpin UMNO, beliau dapat menghalang penubuhan Malayan Union dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengiktiraf hak kenegaraan orang Melayu terhadap negeri-negeri Melayu dengan pengekalannya kedaulatan raja-raja Melayu.

Tetapi Datuk Onn juga melihat bahawa orang Melayu tidak boleh terus menjadi bangsa terjajah Britain. Dia mahukan Tanah Melayu merdeka dan untuk itu, orang Melayu kena terima kaum lain sebagai warganegara.

Untuk perjuangan kemerdekaan, Datuk Onn mahukan UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu.

Tetapi orang Melayu dalam UMNO tidak dapat menerimanya. Ahli UMNO takut perjuangan Hidup Melayu tidak dapat dipenuhi oleh parti pelbagai kaum. Datuk Onn keluar untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang membuka keahlian parti kepada semua kaum.

Andai kata UMNO menerima ahli-ahli bukan Melayu maka parti itu sudah tentu berubah. Ia tidak lagi boleh memperjuangkan Hidup Melayu tetapi digantikan dengan Merdeka.

Di sini datangnya kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman yang menggantikan Datuk Onn sebagai Presiden UMNO. Beliau berjaya membawa slogan Merdeka dan memperjuangkan kemerdekaan melalui UMNO tanpa mengorbankan ciri-ciri Hidup Melayu parti ini. Ia dapat dilakukan melalui penubuhan Perikatan dengan penyertaan MCA dan MIC. Justeru, pada waktu yang sama UMNO dapat memperjuangkan kemerdekaan melalui Perikatan tetapi mengekalkan UMNO sebagai parti orang Melayu.

Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan penubuhan Malaysia pada tahun 1963 dengan kedudukan negara ini yang kukuh sebagai sebuah negara yang berada pada laluan menuju Wawasan 2020, perjuangan UMNO boleh dinilai sebagai berjaya.

Tetapi cabaran yang dihadapi oleh UMNO untuk masa depan masih pelbagai dan mendalam. Sebagai parti kerajaan, sudah tentu perhatian UMNO adalah pada mentadbir Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Tetapi cabaran kepada perjuangan asalnya sebagai parti yang hendak menjayakan slogan Hidup Melayu muncul dalam bentuk baru.

Kini orang Melayu perlu meningkatkan keupayaan daya saing dalam bidang-bidang terkini supaya dapat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Pendidikan yang tinggi masih tidak menjamin kejayaan dalam kedudukan ekonomi. Ia memerlukan banyak perkara lain untuk meningkatkan daya saing seperti penguasaan bahasa Inggeris, teknologi maklumat (IT) dan komunikasi.

Inilah perjuangan Hidup Melayu zaman ini yang perlu digerakkan oleh UMNO. Nasionalisme baru pada era ini adalah pengorbanan dalam memajukan diri untuk berjaya dalam pencapaian tahap sosioekonomi.